

## **CABARAN GURU PENDIDIKAN ISLAM DALAM PEMBENTUKAN AKHLAK PELAJAR.**

*(The Challenges Faced By Islamic Education Teachers in the Formation of Students' Behaviour)*

SITI RASHIDAH BINTI ABD RAZAK, HASLINA BINTI HAMZAH & ZETTY NURZULIANA BT  
RASHED

### **ABSTRAK:**

Dewasa ini kita sering dikejutkan dengan berita keruntuhan akhlak dalam kalangan pelajar. Selain kes buli, pecah rumah, peras ugut dan jenayah siber pelbagai masalah lain turut melibatkan pelajar sekolah. Perkembangan ini mendatangkan kebimbangan dalam kalangan masyarakat terutamanya ibu bapa dan guru, khususnya Guru Pendidikan Islam (GPI). Penulisan ini menumpukan kepada cabaran yang dihadapi oleh guru Pendidikan Islam (GPI) dalam pembentukan akhlak pelajar serta beberapa cadangan penambahbaikan bagi pembentukan akhlak yang baik dalam kalangan pelajar. Kajian ini menggunakan kajian perpustakaan dengan menganalisis dan menilai perdebatan dan perbincangan di dalam kandungan teks dalam bentuk pendekatan naratif. Hasil penulisan menunjukkan bahawa setiap pihak perlu memainkan peranan masing-masing bagi memastikan agenda pembentukan akhlak pelajar dapat dilaksanakan dengan berkesan tanpa mengharapkan peranan dari pihak GPI semata-mata.

**Kata kunci:** Guru Pendidikan Islam, pembentukan akhlak, cabaran, kajian perpustakaan, naratif

### **ABSTRACT**

*Nowadays, we often heard news of moral decadence among students. Apart from bullying, burglary, extortion and cyber crimes, there are also many other problems involving students. The rise of these raises concern among the society including parents and teachers, especially the teachers of Islamic Education (GPI). This study focuses on the challenges faced by teachers of Islamic Education (GPI) in moral formation of the students as well as some suggestions for improvement in instilling good characterisation in them. This study uses the library research to analyze and assess the debate and discussion in the text content in the*

*form of a narrative approach. The results of the study showed that each party should play their respective roles to ensure moral development agenda can be effectively implemented without expecting the role of the GPI alone.*

**Keywords:** Teachers of Islamic education, moral formation, challenges, library research, narrative

## **LATAR BELAKANG KAJIAN**

Kajian ini berdasarkan pemerhatian dan pembacaan pengkaji berkenaan isu pembentukan akhlak dalam kalangan pelajar. Perkara ini merupakan satu isu yang penting memandangkan dari sehari ke sehari pelbagai masalah disiplin berkaitan dengan pelajar berlaku. Pelajar masa kini bukan sahaja terlibat dengan permasalahan disiplin di sekolah seperti ponteng, tidak menyiapkan kerja sekolah dan melawan guru. Lebih berat lagi pelajar terdedah kepada kesalahan dan jenayah yang lebih berat seperti pecah rumah, peras ugut dan jenayah siber.

## **PERMASALAHAN KAJIAN**

Permasalahan yang dikaji dalam penulisan ini ialah cabaran yang dihadapi oleh GPI dalam pembentukan akhlak pelajar. Seterusnya kajian memberi cadangan dan alternatif dalam bentuk proses pembentukan akhlak bagi semua pihak memainkan peranan masing-masing ke arah pembentukan akhlak dalam kalangan pelajar.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini bertujuan mengenalpasti cabaran yang dihadapi oleh guru Pendidikan Islam (GPI) dalam pembentukan akhlak pelajar. Kemudian daripada itu, beberapa cadangan penambahbaikan bagi pembentukan akhlak yang baik dalam kalangan pelajar diberikan sebagai alternatif kepada GPI dalam pembentukan akhlak pelajar.

## **LIMITASI KAJIAN**

Limitasi bagi kajian ini adalah terhadap kepada sumber rujukan dan yang terbatas. Keputusan dan perspektif kajian boleh berubah-ubah mengikut perubahan dalam pelbagai aspek termasuk demografi, jantina, latar belakang pendidikan dan lain-lain.

## **DAPATAN KAJIAN**

Hasil pembacaan dan pemerhatian pengkaji, didapati semua pihak iaitu GPI, guru dan institusi, pelajar, ibu bapa, kejiwaan dan pihak media perlu berganding bahu dalam memastikan cabaran yang dihadapi oleh GPI tidak digalas secara sendirian.

## **DEFINISI GURU PENDIDIKAN ISLAM:**

Dalam konteks Pendidikan Islam, profesionalisme guru yang lebih bersifat ruhiyyah lebih dititikberatkan kerana ia berkait rapat dengan peranan GPI sebagai mudarris, mu'allim, muaddib, murabbi dan mursyid(5M)(Kamarul Azmi dan A Halim Tamuri 2007).

Guru Pendidikan Islam ialah guru yang memperolehi ikhtisas perguruan samada di peringkat diploma atau sarjana muda atau kursus perguruan lepas ijazah atau kursus perguruan lepasan diploma dan lain- lain yang setaraf bagi mengajar mata pelajaran Pengajian Islam dalam bidang yang pelbagai. Antara bidang yang termasuk dalam Pengajian Islam termasuklah Tilawah al Qur'an, Hafazan, Tajwid, Sirah, Tauhid, Akhlak dan Fekah.

## **DEFINISI CABARAN:**

Cabaran ialah sesuatu unsur, faktor, yang mencabar menguji kemampuan dan ketabahan seseorang atau sesuatu organisasi dan lain-lain: pekerjaan yang penuh dengan cabaran. Cabaran juga merupakan halangan ataupun ujian dan masalah yang dihadapi oleh seseorang individu mahupun institusi dalam memastikan keberkesanan tugas harian. Dalam tajuk ini, cabaran yang dimaksudkan tertumpu kepada cabaran yang dihadapi oleh GPI dalam pembentukan akhlak pelajar. (DBP 2014)

## **DEFINISI PEMBENTUKAN AKHLAK:**

Pembentukan adalah perkataan dari kata dasar bentuk kata terbitan, kata buatan (baru); pembentukan perihal (perbuatan, usaha, dan sebagainya) membentuk: ia berazam untuk mengambil peranan dlm -masyarakat baru; pembentuk orang atau alat yg membentuk. (DBP 2014).

Manakala perkataan akhlak pula dari perkataan bahasa Arab (jamak bagi khuluk) budi pekerti, kelakuan, tabiat: anak itu sudah rosak ~nya; ilmu ~ pengetahuan bukan kelakuan (tingkah laku) manusia; pegawai ~ pegawai yang mengawasi anak-anak yg telah melakukan kejahatan-an tetapi tidak dipenjarakan; berakhlak mempunyai akhlak: kehidupan. (DBP 2014).

Ringkasnya, pembentukan akhlak adalah proses menanamkan akhlak dalam diri seseorang ke arah akhlak yang baik sejajar dengan tuntutan Islam. Proses pembentukan akhlak ini merupakan satu proses yang sangat penting bagi setiap insan dan ia merupakan proses yang berterusan.

Pada bahagian proses pembentukan akhlak, kajian akan memberi tumpuan kepada peranan Guru Pendidikan Islam dan pihak-pihak lain dalam membantu proses pembentukan yang baik dan lancar.

### **CABARAN UTAMA BAGI GPI DALAM PEMBENTUKAN AKHLAK PELAJAR.**

Berdasarkan pemerhatian dan pembacaan pengkaji, pelbagai cabaran terpaksa dihadapi oleh GPI dalam pembentukan akhlak pelajar. Antara cabarannya termasuklah seperti yang berikut: Cabaran pertama adalah cabaran dalaman bagi GPI itu sendiri. Peranan guru ialah menerapkan nilai murni kepada pelajar samada secara formal di dalam bilik darjah mahupun secara tidak formal semasa menjalankan aktiviti kokurikulum di luar bilik darjah. (Kamarul Azmi Jasmi dan Ab Halim Tamuri 2007).

Pada masa dahulu GPI atau juga dikenali sebagai ustaz atau ustazah merupakan satu profesion yang dipandang tinggi oleh ahli masyarakat berdasarkan ilmu dan pemahaman mereka tentang Islam. Keadaan ini semakin berubah seiring dengan peredaran masa dan faktor akhlak GPI itu sendiri.

Terkini, GPI sering dikaitkan dengan kes keruntuhan akhlak. Menurut Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato' Mahadzir Mohd Zin, daripada tahun 1995 sehingga 2008 sebanyak 41 kes membabitkan keruntuhan akhlak dalam kalangan guru dilaporkan (Utusan Malaysia, 18 September 2008). Antara kes termasuklah sumbang mahram dan bersekedudukan. Laporan berkenaan salahlaku GPI seperti ini mengurangkan kredibiliti dan pandangan baik masyarakat terhadap GPI secara keseluruhannya sedangkan umum mempercayai seseorang guru yang baik seharusnya mempunyai sifat dan kualiti peribadi seperti baik hati, pandai berjenaka, sabar, berjenaka, bertanggungjawab, yakin pada diri dan mempunyai sifat kepimpinan (Mok Soon Sang 1988).

Selain cabaran dari sudut sikap dan akhlak GPI, kita sedia maklum bahawa GPI seperti guru lain di sekolah dibebani dengan tugas pengajaran dan pembelajaran yang padat. Selain itu GPI juga terlibat dalam aktiviti kokurikulum sekolah serta tugas pentadbiran dan pengkeranian. Maka bebanan tugas yang pelbagai ini merupakan kekangan masa yang besar bagi GPI untuk memberi perhatian sepenuhnya kepada pelajar lebih-lebih lagi bagi mereka yang menghadapi masalah akhlak. GPI juga terikat dengan KPI (Key Performance Indicator) yang perlu disempurnakan setiap tahun bekerja, maka ia turut menghalang GPI daripada menumpukan perhatian yang lebih dalam pembentukan akhlak pelajar lebih-lebih lagi yang bermasalah.

Cabaran kedua yang dihadapi oleh GPI dalam pembentukan akhlak pelajar ialah faktor diri dan latar belakang pelajar itu sendiri. Pelajar lebih banyak menghabiskan masa dengan rakan sebaya. Apa yang boleh membawa kepada masalah yang lebih besar apabila para pelajar tidak pandai memilih rakan yang baik.

Menurut Abd Rahim(2006),golongan remaja menyesuaikan dirinya dengan faktor-faktor persekitaran keluarga, persekitaran sosial dan budaya yang akan mencorakkan perkembangan tingkah laku mereka.Secara tidak langsung pelajar yang datang dari keluarga yang mempunyai masalah hubungan kekeluargaan dapat memberi kesan dalam pembentukan akhlak mereka.

Gaya kehidupan masa kini serta dunia tanpa sempadan juga memberi kemudahan kepada pelajar mudah akses informasi yang negatif dan bahan berunsur pronografi. Keadaan ini normal kerana pelajar terutama remaja mempunyai sifat ingin tahu dan ingin mencuba yang tinggi apatah lagi bagi pelajar yang tidak dibimbing memilih antara yang baik dan yang buruk.

Cabaran seterusnya adalah cabaran dari pihak ibu bapa dan penjaga.Realiti masa kini yang mencabar tamadun Islam dan Asia ialah arus globalisasi kebudayaan dan kebendaan tamadun Barat moden. Dampak pengaruh globalisasi ini sangat mendalam sehingga hampir menghilangkan ciri-ciri jati diri seseorang Islam atau seseorang Asia pada peringkat individu atau jati diri tamadun dan budaya pada peringkat kolektif.(Osman Bakar,Azizan Baharuddin dan Zaid Ahmad 2009). Secara tidak langsung perkara ini mempengaruhi ibu bapa.

Selain itu,tuntutan kerjaya dan keperluan hidup merupakan faktor utama mengapa ibu bapa dan penjaga menghadapi cabaran kurang masa bersama anak-anak, sedangkan ibu bapa memainkan peranan yang sangat penting dalam serta memantau perubahan dalam pembangunan jasmani, emosi, rohani, intelektual dan sosial anak-anak mereka. Ibu bapa terkadang terpaksa menyerahkan tanggungjawab mendidik anak-anak sepenuhnya kepada GPI dan pembantu rumah atau penjaga di pusat penjagaan harian berikutan tuntutan ekonomi. Maka, anak-anak kurang sentuhan kasih sayang dari ibu bapa itu sendiri dan terlalu didedahkan dengan sentuhan teknologi.(Sidek Baba 2009)

Cabaran yang seterusnya ialah institusi iaitu sekolah, guru-guru lain dan pihak pentadbir. Kekangan juga dihadapi dari sudut penguatkuasaan hukuman dan denda serta larangan merotan. Ini merupakan kemuncak kepada cabaran kepada GPI untuk menggunakan teknik denda dan hukuman bagi mendidik pelajar yang terlibat dalam masalah disiplin dan keruntuhan akhlak. Terkini ada pihak yang mkencadangkan supaya hukuman rotan dilaksanakan semula di sekolah, tetapi masih kedapatan pihak yang menentang cadangan tersebut dengan alasan adakah dengan hukuman rotan dapat memperbaiki akhlak pelajar terutama di sekolah.(Buletin Utama, 10 November 2014)

Selain dua perkara di atas, perbezaan pemikiran,sikap, nilai dan amalan ini berlaku hasil perbezaan persekitaran sesuatu generasi itu membesar. Persekitaran pembesaran sangat penting dalam membentuk keperibadian seseorang. Said Hawa menggariskan dalam kitabnya *Afak Risalah Ta'lim* bahawa seseorang individu akan terbentuk hasil daripada tiga faktor iaitu

manhaj atau metod yang digunakan dalam pendidikan, persekitaran yang baik dan pendidik yang baik.

Generasi digital(mereka yang lahir 1981 dan ke atas) khasnya, hidup dan membesar dalam suasana ikatan kejiwaan yang semakin renggang.Ini berikutan secara umumnya hanya memneningkan diri sendiri. Berbeza dengan masyarakat dulu, di samping takut kepada ibu bapa sendiri anak-anak juga takut dan malu kepada jiran mereka(Zamri Abdul Rahim 2013).

Struktur masyarakat yang telah berubah menyebabkan pelajar masa kini hidup dan bercampur dengan masyarakat yang lebih rencam. Sebagai contoh anak-anak hari ini lebih terdedah kepada pelbagai kaum.Serba sedikit budaya daripada rakyat asing memberi kesan kepada budaya masyarakat kita.

Selain cabaran-cabaran asas yang diketengahkan sebelum ini, faktor cabaran teknologi maklumat serta globalisasi juga merupakan faktor cabaran besar kepada GPI dalam pembentukan akhlak pelajar. Kemudahan teknologi dan digital sedia ada menyebabkan pelajar lebih mudah terdedah kepada anasir negatif yang dipaparkan oleh media samada media cetak mahupun media elektronik. Pendedahan kepada penggunaan teknologi tinggi juga memberi laluan kepada pelajar untuk mudah akses bahan negatif dan teringin untuk mencuba supaya mudah diterima oleh rakan sebaya.

## **PROSES PEMBENTUKAN AKHLAK**

Menurut Muhammad Taqy(1983) belum terdapat kajian empirik yang boleh membuktikan tempoh bermula akhlak seseorang manusia akan terbina. Bagaimanapun,ulama telah menyatakan bahawa akhlak(unsur-unsur spiritual) seseorang manusia terbentuk seiring dengan pembentukan fizikal seseorang janin di dalam rahim ibunya. Meskipun pembinaan akhlak yang telah terbentuk seawal pembentukan jasad manusia,namun jika ia dibiarkan tanpa pendidikan dan persekitaran yang baik, akhlak yang terbentuk itu sama ada baik ataupun buruk boleh berubah.Justeru, pendidikan dan persekitaran yang sempurna perlu disediakan kepada para pelajar agar akhlak mereka dapat dibentuk dengan sempurna.

Dalam hal tersebut, Mohd Nasir(1955:22) mengulas kata-kata seorang pakar akhlak, iaitu Ibnu Miskawayh (1996):

Seseorang berpotensi untuk merubah akhlak ataupun situasi yang berada dalam jiwa mereka. Jika akhlak seseorang tidak dapat dibentuk dan diperbaiki,maka syariah, kenabian, latihan, pendidikan, disiplin, nasihat, sekolah, universiti, undang-undang, kerajaan dan sebagainya sudah tentu akan menjadi tidak perlu, malah tidak berguna lagi. (Ab Halim Tamuri et.al: 2010).

Menurut Al-Ghazali(1998),akhlak adalah keadaan dalaman insan yang melahirkan perbuatan mudah tanpa memerlukan pertimbangan fikiran. Zakaria Stapa(1995) pula mengulas akhlak sebagai perbuatan yang sehati pada diri sehingga tidak memerlukan

individu untuk berfikir bagi melakukannya. Ini bermakna seolah-olah apa yang keluar daripada hati, mulut dan anggota fizikalnya ketika berinteraksi dengan Allah S.W.T, manusia dan makhluk lain adalah secara spontan, tanpa paksaan atau proses berfikir secara mendalam.

Guru adalah unsur penting dalam dunia pendidikan dan mempunyai pengaruh yang besar terhadap keberkesanan sesuatu pendidikan. Keperibadian dan amalan pengajaran guru mempunyai pengaruh yang besar kepada minda dan jiwa pelajar. Pada usia muda ini mereka akan melihat dan mengikuti segala tingkah laku, pergerakan dan perkataan guru. Murid akan lebih kuat terpengaruh dengan sikap dan penampilan guru berbanding dengan orang lain. Apatah lagi masa murid banyak dihabiskan dengan guru. Oleh itu, guru sewajarnya memperbaiki diri terlebih dahulu sebelum memperbaiki anak muridnya (Kamarul Azmi 2007)

Al-Ghazali (1998) berpendapat bahawa akhlak boleh dibangunkan dengan membentuk akhlak yang baik, menyingkirkan akhlak yang buruk serta melakukan rawatan kepada masalah akhlak. Proses pembangunan akhlak baik, penyingkiran akhlak buruk dan rawatan akhlak turut menjadi fokus perbincangan (Ulwan, 1996).

Adalah didapati bahawa dalam proses guru membangunkan akhlak, rata-rata mereka mengaplikasikan tiga kaedah utama, iaitu membentuk, menyingkir dan merawat masalah akhlak pelajar. Ketiga-tiga proses ini sejajar dengan apa yang dikemukakan oleh Al-Ghazali (1998).

Proses membangun elemen akhlak dijalankan menerusi teknik perbincangan dan penerangan dengan mengaitkannya dengan apa yang dilakukan pelajar dalam kehidupan mereka. Sebagai contoh, inisiatif guru membentuk akhlak dengan memperbanyakkan perbincangan yang dihubungkan secara langsung dengan apa yang dilakukan pelajar. Hal ini adalah kerana adab ialah sesuatu yang dilakukan dalam kehidupan seharian seperti akhlak dengan ibu bapa, guru, rakan, saudara-mara serta akhlak dengan alam. Malah tujuan guru mengaitkan akhlak yang disampaikan dengan apa yang dilakukan pelajar agar pelajar mampu mempraktikkan akhlak berkenaan dalam kehidupan mereka secara mudah.

Selain perbincangan dan penerangan, guru juga berusaha menunjukkan teladan yang baik untuk membentuk akhlak yang mulia pada diri pelajar. Guru perlu menjaga adab dan akhlak sebagai guru dan seorang muslim. Teladan ialah cara yang mudah bagi pelajar belajar berdasarkan apa yang mereka lihat di hadapan mata mereka sendiri. Teladan cara bercakap, memberi salam dan mencintai ilmu semuanya ditunjukkan oleh guru agar dapat dicontohi oleh pelajar.

Fasa kedua dalam membangunkan elemen akhlak dalam pengajaran ialah penyingkiran akhlak buruk. Fasa ini disarankan oleh al-Ghazali (1998) untuk membuang nilai dan akhlak negatif pelajar. Secara umumnya, proses penyingkiran akhlak buruk ini dilakukan menerusi teguran dan nasihat. Teguran dan nasihat perlu dikemukakan secara berterusan secara berterusan dari semasa ke semasa. Hal ini bertujuan untuk membetulkan akhlak, adab dan kebiasaan tidak baik dalam kalangan pelajar. Namun, guru perlu faham bahawa teguran dan nasihat perlu diberikan tanpa jemu. Apa yang penting juga, teguran dan nasihat wajar

dikemukakan sebaiknya sejurus guru melihat nilai negatif yang ditunjukkan oleh pelajar. Teguran dan nasihat tentunya dikemukakan secara baik dan lembut, bukan secara kasar atau menghina.

Berdasarkan pengalaman guru, teguran tersebut lazim dilaksanakan secara umum atau secara peribadi. Teguran secara umum bermaksud guru membuat teguran kepada pelajar seluruhnya di kelas, semasa perhimpunan atau ketika majlis tersebut. Teguran tersebut dilakukan mungkin disebabkan terdapat segelintir pelajar yang terlibat dengan masalah akhlak tetapi teguran perlu dilakukan secara umum untuk membetulkan segelintir pelajar berkenaan serta untuk mengingatkan pelajar lain. Teguran ini juga dilakukan di peringkat pertama teguran. Ini bermakna jika teguran secara umum tidak berkesan, segelintir pelajar yang masih mengamalkan nilai negatif akan ditegur secara peribadi.

Fasa terakhir dalam membangunkan akhlak ialah fasa merawat akhlak. Fasa ini menuntut guru untuk mengkaji punca masalah akhlak pelajar. Punca berlakunya masalah akhlak dikaji dengan berusaha mendekati pelajar, mengetahui latar belakang diri dan keluarganya serta adakalanya membantu menyelesaikan masalah pelajar. Guru turut menekankan hubungan yang rapat dengan pelajar serta menggunakan pendekatan psikologi. Hubungan yang rapat dan pendekatan psikologi diyakini dapat mendorong pelajar untuk berkongsi masalah yang dihadapi.

Rata-rata pelajar agak sukar meluahkan masalah yang dihadapi serta berkongsi punca masalah melainkan guru terlebih dahulu mengambil sikap mendekati pelajar tersebut. Akhirnya, sedikit demi sedikit dan lambat-laun pelajar mula mempercayai guru tersebut sebagai individu yang boleh menyelesaikan masalah yang mereka hadapi. Sesuatu yang perlu diambil perhatian ialah proses merawat masalah akhlak pelajar perlu dilakukan secara lembut dan tiada unsur mencemuh, menghina atau apa sahaja yang bersifat negatif.

Walau bagaimanapun, guru turut membayangkan kemungkinan jika mereka tidak dapat menangani masalah pelajar, mereka akan merujuk kepada individu yang lain. Individu tersebut lazimnya merujuk kepada kaunselor sekolah, guru lain atau guru disiplin sekolah. Lebih jauh daripada itu, usaha pihak sekolah turut meliputi perancangan program dan aktiviti tertentu yang adakalanya melibatkan pihak luar. Penglibatan pihak luar untuk membantu menangani masalah akhlak pelajar adalah satu pendekatan yang tidak wajar disisihkan. Apa yang penting, pelbagai pendekatan digunakan oleh guru dan pihak sekolah sehingga masalah pelajar dapat ditangani walaupun tidak semua dapat diselesaikan.

Akhlak bersifat responsif kepada pendidikan, latihan, nasihat, undang-undang dan disiplin. Jika diselusuri kepada pemahaman guru Pendidikan Islam terhadap elemen akhlak, pemahaman mereka tidak jauh berbeza dengan apa yang diutarakan oleh tokoh sarjana Islam. Elemen akhlak yang dibangunkan pada diri pelajar merujuk kepada perbuatan yang lahir daripada dalam diri pelajar dan menjadi tabiat harian mereka.

Akhlak difahami sebagai perbuatan yang lahir daripada dalam diri dan ini terbukti apabila beberapa cara dan kaedah digunakan guru, antaranya ialah menerusi kaedah teladan, teguran dan pemantauan, perbincangan dan mengaitkan dengan kehidupan pelajar. Teladan



ialah antara kaedah yang penting dalam penerapan elemen akhlak yang membantu pelajar untuk merujuk keperibadian yang boleh dijadikan contoh dalam kehidupan seharian mereka.

Selain teladan, kebanyakan guru cenderung mengaitkan setiap nilai akhlak yang dipelajari dengan apa yang dilakukan oleh pelajar dalam kehidupan mereka. Oleh kerana akhlak ialah sesuatu yang bersangkutan dengan apa yang patut dilakukan dalam kehidupan, sebahagian besar guru akan bertanya tentang apa yang dilakukan pelajar dalam menghadapi situasi tertentu dalam kehidupan. Adakala guru akan berkongsi dengan apa yang mereka lakukan serta akhlak tokoh seperti rasul, alim ulama dan sebagainya.

Selain itu, pengawasan dan teguran juga dijalankan. Pengawasan tersebut dilaksanakan di dalam kelas pengajaran dan juga di luar kelas. Bagi guru yang mengajar sekolah berasrama, pengawasan akhlak dilaksanakan ketika aktiviti asrama. Teguran dilakukan seiring dengan pengawasan. Teguran guru Pendidikan Islam adakalanya dilakukan secara umum kepada pelajar ketika di dalam kelas atau semasa perhimpunan. Ada juga teguran yang dilakukan secara peribadi, iaitu guru berjumpa secara peribadi pelajar yang ingin ditegur akhlak mereka. Terdapat juga guru yang menyatakan bahawa teguran secara peribadi dijalankan apabila teguran secara umum tidak diendahkan pelajar. Kepelbagaian corak teguran selari dengan kepelbagaian karenah pelajar. Teguran daripada pihak guru merangkumi akhlak dan adab pelajar ketika di dalam kelas, semasa perhimpunan, atau ketika bersama-sama guru dan rakan mereka. (Fathiyah 2012)

Selain guru, ibu bapa juga memainkan peranan mempengaruhi dalam pembentukan akhlak pelajar. Proses pendidikan akhlak bermula di peringkat awal. Ia perlu dilentur sejak daripada awal lagi supaya pelajar tidak terdorong untuk melakukan perkara-perkara yang tidak sesuai dengan fitrah semula jadi yang dikurniakan oleh Allah S.W.T.

Pembentukan akhlak dalam Islam perlu dimulai dengan pengukuhan akidah dan ketauhidan kepada Allah S.W.T. Sebagai contoh kanak-kanak yang baru dilahirkan perlu diazankan dan diiqamat supaya perkataan pertama yang dibisikkan di telinganya adalah pujian kepada Allah S.W.T sehingga kanak-kanak menginjak usia dan pandai bertutur maka sewajarnya diajar menyebut nama Allah S.W.T dan Rasulullah S.A.W. Pembentukan seperti ini perlu bagi membolehkan kanak-kanak tadi membesar dalam keadaan mereka kenal siapa Pencipta mereka dan umat manusia seluruhnya. (Siti Rashidah et.al 2012).

Mengikut Bowlby (1952, 1988), faktor paling penting dalam perkembangan psikososial yang sihat di kalangan kanak-kanak ialah belaian kasih sayang ibu bapa atau penjaga (primary care-giver). Penjagaan dengan kasih sayang oleh ibu bapa atau sesiapa sahaja yang menjadi penjaga utama menimbulkan ikatan emosi antara kanak-kanak dengan orang yang berkenaan. Seorang anak mungkin akan mempunyai ikatan emosi dengan beberapa orang yang rapat dengannya tetapi seorang sahaja yang akan menjadi simbol ikatan emosi yang utama, selalunya dengan ibu. Dengan itu, Kern dan Steven (1996) mengatakan bahawa ikatan emosi ini mungkin merupakan peramal yang tepat dalam perkembangan anak-anak berbanding dengan ikatan emosi dengan penjaga-penjaga lain, termasuk bapa. Bagaimanapun, kebanyakan para pengkaji turut memasukkan ikatan emosi dengan bapa dalam melihat

perkaitan antara peranan ibu bapa dengan perkembangan psikososial remaja.(Halijah Nordin 2001) .

## **PENUTUP**

Berdasarkan pembacaan dan pemerhatian pengkaji dari sumber rujukan yang digunakan, kajian mendapati bahawa cabaran Guru Pendidikan Islam(GPI) sangat penting dalam pembentukan akhlak pelajar. Justeru, pihak lain termasuk guru lain serta institusi, diri pelajar dan ibu bapa memainkan peranan yang penting bagi memastikan proses pembentukan akhlak dalam kalangan pelajar berjalan dengan baik dan lancar.

Pembentukan akhlak pelajar bukan sahaja penting bagi memastikan tahap disiplin pelajar meningkat, bahkan ke arah memenuhi tuntutan Falsafah Pendidikan Islam yang merupakan suatu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al Quran dan As Sunnah bagi membentuk sikap,kemahiran,keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangun diri, masyarakat alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat.

## **RUJUKAN**

Ab Halim Tamuri dan Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff.(2010).Kaedah Pengajaran dan pembelajaran.UKM.Bangi

Abd Rahim.(2006).Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Remaja Terlibat Dalam Masalah Sosial di Sekolah Tunas Bakti.

Fathiyah Mohd Fakhruddin(2012).Peranan & Cabaran Guru Dalam Pengajaran Pendidikan Islam.UPM: Serdang.

Halijah Nordin.(2001)Faktor-faktor Peramal Tingkah Laku Delinkuen Remaja.Jurnal Pendidikan Jilid 21.Universiti Malaya,Fakulti Pendidikan.

Kamarul Azmi Jasmi dan Ab Halim Tamuri.(2007).Pendidikan Islam:Kaedah Pengajaran & Pembelajaran.Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Kamarul Azmi dan A Halim Tamuri.(2010).Profesionalisme Pendidikan Islam Berasaskan Riadah Ruhyyah Satu Analisa Keperluan dalam Habibah,Artini Ramli dan Zaharah Husin,online The Online Journal January. 2014, Vol 2, Issue 1

Osman Bakar,Azizan Baharuddin dan Zaid Ahmad.Isu-isu semasa dan Masa Depan.Modul Pengajian Tamadun Islam dan Tamadun Asia,Penerbit Universiti Malaya,Kuala Lumpur.

Sidek bin Baba.(2009).Pembentangan Wacana Ilmu,di Pusat Konvensyen Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

Siti Rashidah bt Abd Razak, Siti Zaleha bt Ibrahim, Noraini bt Mohamad.(2012)Pengajian Islam .Kajang.

Zamri Abdul Rahim.(2013).Cabaran Mendidik Generasi Digital.Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Pemerkasaan Pengajaran Agama Islam di Malaysia:Menilai Cabaran Semasa Guru Pendidikan Islam,24-25 September 2013.Dewan Besar IKIM, Kuala Lumpur.

Utusan Malaysia, 18 September 2008, capaian 10 November 2014

<http://ekamus.dbp.gov.my/Search.aspx?spec=false&type=1&cari=akhlak#sthash.NMfK8OEU.dpuf> capaian 11 November 2014

<http://ekamus.dbp.gov.my/Search.aspx?spec=false&type=1&cari=bentuk#sthash.iGJD6zzO.dpuf>, capaian 11 November 2014

<http://ekamus.dbp.gov.my/Search.aspx?spec=false&type=1&cari=cabaran#sthash.7xbI4wfv.dpuf> capaian 11 November 2014

Laporan Buletin Utama, TV3,10 November 2014.

SITI RASHIDAH BINTI ABD RAZAK

Jabatan Kefahaman dan Pemikiran Islam, Pusat Pengajian Teras, KUIS

[sitirashidah@kuis.edu.my](mailto:sitirashidah@kuis.edu.my)

HASLINA BINTI HAMZAH

[haslina@kuis.edu.my](mailto:haslina@kuis.edu.my)

ZETTY NURZULIANA BT RASHED

[zetty@kuis.edu.my](mailto:zetty@kuis.edu.my)

Jabatan Asas Kemanusiaan dan Perkaedahan, Fakulti Pendidikan,KUIS